



Headline	Sebanyak 88,000 hartanah status bumiputera di Johor belum terjual
MediaTitle	Sinar Harian
Date	02 May 2017
Section	Nasional
Page No	46
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



## Sebanyak 88,000 hartanah status bumiputera di Johor belum terjual

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan Johor mengenal pasti sebanyak 88,000 hartanah berstatus bumiputera di negeri ini, yang masih belum terjual sehingga kini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, antara hartanah dimaksudkan adalah rumah banglo, rumah kedai kilang dan pangsapuri perkhidmatan.

Menurutnya, kerajaan negeri kini sedang giat mencari jalan untuk membantu pemaju dan memikirkan cara terbaik untuk menawarkan kepada Bumiputera.

“Memang banyak (hartanah bumiputera tidak terjual). Ada 88,000 seluruh Johor. Rumah banglo, rumah kedai, kilang dan servis apartmen.

“Kita akan cari jalan bagaimana nak bantu pemaju dan cara-cara bagaimana nak menawarkan kepada bumiputera dan sebagainya. Tapi kalau rumah mahal biasanya bumiputera tak beli,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Warisan Kampung Senibong di sini semalam.

Mohamed Khaled berkata, jika pemaju meminta pelepasan status bumiputera bagi membolehkan hartanah tersebut terjual, pihak tersebut akan dikenakan bayaran kepada kerajaan negeri.

Katanya, bayaran yang diterima daripada pihak pemaju itu pula akan digunakan untuk pembinaan hartanah lain, juga bagi kategori bumiputera.



● Antara hartanah dimaksudkan adalah rumah banglo, rumah kedai kilang dan pangsapuri perkhidmatan.